

Rosidi pemaju disegani

Syarikatnya melaksanakan pelbagai projek perumahan dan kondominium di sekitar Kuala Lumpur

>>Oleh FIRDAUS SAHAT
firdaussahat@hmetro.com.my

SEBAIK menamatkan pengajian di peringkat Diploma Sains Kejuruteraan pada 1993, darah muda lelaki ini membuka-buka untuk membina empayar perniagaan sendiri. Malangnya, gara-gara masih mentah dalam dunia perniagaan, dia yang membuka sebuah butik pakaian berdasarkan denim untuk lelaki di Kota Tinggi, Johor terpaksa menutupnya kerana akur dengan persaingan hebat ketika itu.

Meskipun pada waktu itu baru berusia 22 tahun, pengasas syarikat pemaju hartanah Bumiputera, Gabungan Hartamas Sdn Bhd, Rosidi Abu Bakar tidak mengenal erti kalah.

Walaupun kecawa perniagaan pertamanya tidak menjadi, beliau enggan berputus asa. Sedikit modal yang dikumpul



GANDINGAN MANTAP...Rosidi dan Fazlina bersama kakitangan Gabungan Hartamas.

dibawa ke Kuala Lumpur dan membuka sebuah restoran makanan laut.

Sedikit sebanyak, ilmu dikumpul daripada perniagaan pertamanya digunakan dan restoran yang terkenal dengan nama Wood D'Burn itu berjaya menambah cawangannya sekitar bandar raya ini.

Tiga tahun beroperasi, beliau mencari bidang perniagaan yang baru. Selepas berhempsah pulas dalam bidang makanan, Rosidi melihat hasil dikumpulkan menerusi perniagaan itu tidak berbaloi dengan titik peluh dikeluarkan.

Selepas berfikir panjang, perniagaannya sekali lagi ditutup.

"Masa itu, waktu kerja menguruskan restoran bermula awal pagi dan tamat lewat malam. Tiga tahun ia beroperasi dan selepas berbincang dengan keluarga, saya terpaksa menutup perniagaan ini."

"Bukan saja kerana penat,



SALING MENGHORMATI...Rosidi sentiasa berbincang dengan pekerjaanya supaya semua tugas berjalan teliti dan lancar.

malah keuntungan diperoleh tidak berbaloi. Adakalanya banyak dan ada juga tidak pulang modal. Mahu atau tidak, ia terpaksa dilepaskan.

"Pada masa sama, seorang rakan yang kini menjadi isteri saya meminta saya menceburi bidang harta tanah sebagai perunding. Ibarat pucuk dicita ulam mendatang, saya teruskan usaha dalam bidang ini.

"Alhamdulillah, pengalaman dan ilmu dikumpul selama empat tahun sebagai perunding harta tanah membuatkan saya berada pada tahap sekarang," katanya.

Walaupun gagal dalam pelbagai bidang diceburi, perjalanan hidup Rosidi seakan-akan diatur. Peluang demi peluang di depan mata tidak diabaikan begitu saja.

Buktinya, kini tertubuhnya syarikat 100 peratus miliknya. Pelbagai projek perumahan dan kondominium yang kini dijalankan di sekitar Kuala Lumpur membuatkan namanya kini disegani.

"Dulu, tidak ramai menceburi bidang harta tanah. Lagipun, ketika mula-mula memasuki bidang ini pada 1997, pembangunan di Kuala Lumpur belum meluas.

"Sebab itu, saya lihat peluang dalam bidang ini cerah. Satu persatu pengalaman saya kumpul hingga lah dapat projek pertama pada 1999 iaitu membina beberapa banglo di Kajang," katanya.

Selain rumah berstatus mewah bernilai RM700,000, Rosidi berpeluang membina Galeri Art di Ampang Utama dengan nilai keseluruhan mencecah RM1.3 juta.

Melihat pembangunan demi pembangunan yang berjaya dilakukan, melalui peluang diberi seorang rakan, beliau terbabit dalam projek membina 26 unit rumah kedai bernilai hampir RM12.9 juta di Sungai Buloh.

Projek yang siap sepenuhnya pada 2010 itu menjadi pemangkin kepada Rosidi untuk terus mencipta nama sebagai pemaju harta tanah disegani di negara ini.

"Waktu itu, syarikat berkenaan ditubuhkan dengan beberapa pemegang saham lain. Dengan tujuan utama sekadar mengumpul pengalaman dan modal, akhirnya pada tahun sama saya membuat keputusan menubuhkan syarikat milik sendiri.

"Kini selepas selepas tiga tahun beroperasi, Gabungan Hartamas Sdn Bhd mampu bersaing dengan pelbagai syarikat lain. Alhamdulillah, saya gunakan sepenuhnya pengalaman yang ada untuk menubuhkan syarikat ini," katanya.

Membuktikan Gabungan Hartamas antara syarikat pemaju yang berdaya saing, Rosidi berjaya mendapatkan projek membangunkan perumahan di kawasan tahan

Keyakinan diri pemangkin kejayaan

Aktivi masa lapang?

Bercuti bersama keluarga

Jenis buku diminati?

Buku motivasi perniagaan, Tom Hopkins (Real Estate) dan Tom Hopkins (Secrets of Power Negotiating)

Tokoh dikagumi?

Bekas Perdana Menteri,

Tun Dr Mahathir Mohamad.

Prinsip hidup?

Keyakinan diri pemangkin kejayaan.

Impian?

Menjadikan perniagaan yang dilaksanakan sebagai ibadat untuk diberkati bersama saudara Islam lain.

>Profil

NAMA: Rosidi Abu Bakar

UMUR: 41 tahun

TARIKH LAHIR:

9 Disember 1970

ASAL: Kota Tinggi, Johor

PENDIDIKAN: Diploma

Sains Kejuruteraan

Universiti Putra Malaysia

JAWATAN: Pengasas

dan Pengurus Besar

Gabungan Hartamas Sdn Bhd

STATUS: Berkahwin

ISTERI: Fazlina Md Desa

ANAK: Lima orang

sebagai Dany, B sebagai Qaseh manakala C sebagai Dania.

Ia juga projek pertama Gabungan Hartamas Sdn Bhd yang menggunakan modal sendiri tanpa sebarang pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan.

Bercerita mengenai pengalamannya dalam bidang perniagaan dan ketika mulamula menubuhkan syarikat Gabungan Hartamas Sdn Bhd, Rosidi berkata, ditipu, diambil kesempatan dan diperdaya menjadi perkara 'wajib' untuknya.

Menurutnya, ia ibarat asam garam dalam perniagaan. Untuk berjaya, semua ahli perniagaan pasti melalui detik sukar terbabit.

"Ia perkara biasa. Namun, setiap

satunya memberi pengajaran, pengalaman dan mengajar kita menjadi lebih matang dalam bidang ini.

"Jika tidak ada dugaan seperti itu, ia tidak akan digelar dunia perniagaan," katanya yang bakal memulakan projek kedua - pembinaan bercampur iaitu tiga blok kondominium 32 tingkat berserta tiga tingkat kompleks komersial yang akan dikenali sebagai 3B's di

Selayang, awal tahun depan.

yang mempunyai tiga fasa itu diberi nama mengikut nama tiga anaknya. Jenis A dikenali



rizab milik Melayu di Sentul. Sebagai projek pertama untuk syarikatnya, Rosidi berpeluang membina 48 unit rumah teres dua setengah tingkat Superlink. Dengan pengalaman dimiliki, ciri moden dan elemen kemelayuan diadaptasi dan digabungkan bagi membangunkan perumahan berkenaan yang dikenali sebagai 3Trees Warisan Pelangi.

"Membina kawasan perumahan di atas tanah rizab Melayu yang terletak di dalam kawasan bandar raya Kuala Lumpur yang diwartakan sebagai kampung warisan, sudah pasti ia menjadi cabaran hebat, bilamana konsep pembangunan yang wajib dikekalkan mestilah mempunyai ciri-ciri kemelayuan

seiring dengan arus pembangunan moden. Jika tidak, projek berkenaan tidak akan dapat direalisasikan.

"Alhamdulillah, dengan idea dan konsep yang kami ketengahkan, ia mendapat kebenaran Datuk Bandar Kuala Lumpur dan projek berkenaan sudah bermula.

"Bermula dengan harga RM625,900 untuk jenis C (2040 kaki persegi) hingga kepada RM729,900 untuk jenis A (2240 kaki persegi), semuanya mempunyai elemen kemelayuan.

"Membina rumah di tengah bandar, kita perlu kreatif dalam mengadun pelbagai konsep supaya ia menepati cita rasa pembeli," katanya.

Tambah menarik, perumahan



BERJAYA...Rosidi (dua dari kanan) memberi penerangan mengenai projek perumahan kemelawayan bergelar 3Trees Warisan Pelangi.